

05/11/1997

Kawal pasaran kewangan: Pegawai perlu terbabit

MALAYSIA dan Argentina mencadangkan pegawai kementerian kewangan negara anggota Kumpulan 15 (G-15) menganjurkan perbincangan untuk mengkaji pelbagai langkah mengenakan kawalan ke atas pasaran kewangan bagi menjadikannya lebih telus.

Persetujuan itu dicapai dalam pertemuan antara Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Naib Presiden Argentina, Dr Carlos Ruckauf, di sini hari ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Clifford Herbert, berkata Dr Ruckauf menyokong saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia mengkaji semula langkah mengenakan kawalan ke atas pasaran mata wang bagi menjadikannya lebih terbuka.

Oleh itu, kedua-dua pemimpin berkenaan mahu semua negara G-15 mengadakan perbincangan dan mengemukakan setiap cadangan mengenai perkara yang berkaitan dengan pasaran kewangan.

"Ini membolehkan mereka mengenalpasti siapa yang membawa masuk dana (dalam sesuatu urusan niaga pasaran) supaya ia menjadi lebih terbuka daripada keadaan masa kini.

"Kedua-dua pemimpin berkenaan mahu pegawai G-15 mengadakan langkah susulan bagi mengadakan perbincangan mengenai perkara itu," katanya.

Mengenai tarikh perbincangan, Clifford berkata, perkara itu akan ditentukan selepas Sidang Kemuncak G-15 yang akan berakhir esok.

Dr Ruckauf yang berada di negara ini bagi mewakili negaranya dalam Sidang Kemuncak G-15 itu juga tertarik untuk mengetahui langkah Malaysia menangani krisis mata wang berkenaan kerana negaranya juga menghadapi masalah serupa yang juga perlu ditangani.

Mengenai pertemuan Anwar dengan Menteri Perancangan Negara Nigeria, Chief Ayo Ogunlade, Clifford berkata, kedua-dua pemimpin melahirkan sokongan terhadap usaha mengenakan kawalan ke atas pasaran mata wang.

Kedua-duanya juga berharap kedua-dua negara boleh bekerjasama ke arah itu.

"Menteri Nigeria itu turut tertarik dengan cadangan Perdana Menteri mengenai krisis mata wang," katanya.

Selain itu, mereka juga melahirkan sokongan terhadap pergerakan Selatan-Selatan dan G-15.

(END)